

# NAJIB JEMPUT KETUA JABATAN JADI PENASIHAT

KUANTAN, Jumaat — Menteri Besar, Datuk Najib Tun Razak hari ini menjemput Ketua-ketua Jabatan menjadi penasihat kepada ahli-ahli Exco termasuk diri beliau sendiri untuk kepentingan rakyat dan pelaksanaan rancangan pembangunan di negeri ini.

"Mereka boleh memberi nasihat kepada ahli-ahli politik dalam segala aspek yang melibatkan rancangan kerajaan dengan terus terang dan ikhlas sebelum sesuatu keputusan dibuat.

"Tetapi apabila keputusan itu dibuat mereka mestilah menyokong putusan itu," katanya.

Beliau memberitahu para pemberita demikian selepas mengadakan perjumpaan pertama dengan ketua-ketua jabatan sejak menjadi Menteri Besar 4 Mei lalu di Pejabat Kerajaan Negeri

di sini.

Datuk Najib menekankan pentingnya hubungan rapat dan harmoni sentiasa terjalin antara ahli-ahli Exco dan pegawai-pegawai kerajaan demi untuk memenuhi harapan rakyat yang telah memberi mandat penuh kepada rakyat.

## Ditunggu

Beliau juga mengingatkan supaya mereka menjalankan tugas dengan cekap dan mengatasi sebarang masalah dengan seberapa segera.

"Jika sesuatu masalah itu boleh diselesaikan hari ini, janganlah ditunggu esok atau lusa. Ia mestilah diselesaikan hari ini juga," katanya.

Beliau sedar adanya sekatan-sekatan dalam pentadbiran kerajaan tetapi berharap perkara itu tidak akan menghalang pegawai membuat sesuatu

keputusan dengan lebih cepat.

Menteri Besar itu menyeru setiap kakitangan kerajaan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, sesuai dengan tugas mereka sebagai orang-orang perjuangan, dan sesuai dengan konsep kerajaan, bersih, cekap dan amanah.

Datuk Najib tidak mengeneppikan pentingnya semangat bersatu padu dan kerjasama dikekalikan di kalangan pegawai kerajaan tanpa menimbulkan sebarang perselisihan di

antara satu jabatan dengan yang lain.

Beliau menyeru mereka supaya memastikan setiap yang dilakukan berpandukan Dasar Ekonomi Baru, terutama dalam mengenalpasti masalah kemiskinan di kalangan rakyat.

Mengenai Exco, beliau berkata peranan Exco bukan saja sekadar membuat keputusan, tetapi juga menjadi pengawas kepada rancangan-rancangan yang diputuskan itu untuk menjamin kejayaannya.

Bahan asal dari Arkib  
Negera Malaysia